

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD. IDRIS BIN JUSI**  
**[BATU PAHAT ]**

**SOALAN :**

**Datuk Mohd. Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ukuran "menurut acuan sendiri" yang diguna pakai untuk Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020. Melihat hanya tinggal lima (5) tahun lagi menjelang 2020 apakah matlamat itu masih munasabah.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Wawasan 2020 telah menggariskan hala tuju untuk mencapai status negara maju berlandaskan kepada acuan sendiri dengan mensasarkan pertumbuhan merangkumi aspek ekonomi dan juga pembangunan sosial.

Dari aspek ekonomi, antara petunjuk penting dan kritikal untuk mencapai status negara maju ialah mencapai sebuah ekonomi yang dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas 25 tahun Wawasan 2020 dilancarkan, asas ekonomi negara terus kukuh di mana prestasi ekonomi negara kekal mampan dan berdaya saing serta dianggarkan mencatat pertumbuhan purata tahunan benar sebanyak 5.8% dalam tempoh tahun 1991 hingga tahun 2015. Dari segi struktur ekonomi pula, Malaysia telah pun mencerminkan struktur ekonomi negara maju dengan sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi dijangka meningkat kepada 54% pada tahun 2015 dan sektor pembuatan 23%. Sementara itu, pada masa ini kadar inflasi dan kadar pengangguran kekal rendah.

Dengan pengukuhan asas ekonomi ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita dianggarkan telah meningkat 4.7 kali daripada RM7,829 (AS\$2,847) pada tahun 1991 kepada RM36,937 (AS\$10,196) pada tahun 2015. Jika dibandingkan dengan tahap minimum semasa PNK per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia

sebanyak AS\$12,746 untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, Malaysia berada di landasan yang kukuh untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kerajaan akan terus melipat ganda usaha dalam tempoh lima tahun akan datang bagi merealisasikan agenda wawasan negara ini. Matlamat yang lebih penting adalah memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi diiringi dengan aspek inklusif dan mampan supaya kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat adalah setanding atau lebih baik berbanding dengan negara maju yang lain.

Namun, objektif Wawasan 2020 lebih dari sekadar pencapaian dari aspek ekonomi semata-mata. Ia merangkumi pelbagai aspek termasuklah pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, bermoral dan beretika, liberal dan bertolak ansur, saintifik dan progresif, serta masyarakat yang penyayang dan makmur. Kita perlu mencapai semua matlamat ini sebelum kita boleh menganggap negara kita sebagai sebuah negara maju sepenuhnya.

Sekian. Terima kasih.